

Bot nelayan Vietnam paling banyak ditahan APMM Terengganu

SH 28/10/2019 M/S 10

KUALA TERENGGANU - Memang pintu maritim Malaysia di perairan pantai Timur daripada dibolosi nelayan asing antara tugas berat dipikul Agensi Pengurusan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu.

Sejak dengan situasi Malaysia kini berdepan pencerobohan dan kecurian hasil laut yang semakin serius dilakukan nelayan Indonesia, Myanmar dan Vietnam, APMM Terengganu komited mempertingkatkan rondaan dan penguatkuasaan menerusi Ops Naga Barat sejak April lalu.


Agensi itu menonjolkan keseriusan menangani isu pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan negara dengan kejayaan

**Sinar
SIASAT**

tangkapan 116 bot atas pelbagai kesalahan sejak Ops Naga Barat melibatkan perairan tiga negeri iaitu Kelantan, Pahang dan Terengganu dilancarkan.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, jumlah itu melibatkan 63 tangkapan oleh APMM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) (14), Polis Marin (22) dan 17 tangkapan oleh Jabatan Perikanan.

Menurutnya, daripada 116 bot yang ditahan, 90 tangkapan melibatkan bot nelayan Vietnam



Sebanyak 90 daripada 116 bot yang ditangkap APMM Terengganu merupakan bot nelayan Vietnam.

dan pihaknya turut menahan seramai 1,106 awak-awak warga asing.

"Sehingga kini, kita telah melakukan pemeriksaan 2,139 pelbagai vessel termasuk bot nelayan asing, bot nelayan tempatan, bot kargo dan kapal yang melalui sepanjang perairan Pantai Timur negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang," katanya.

Muhammad Suffi berkata, sebanyak 30 bot telah dilupuskan setelah selesai prosedur mahkamah dan pihaknya akan meneruskan Ops Naga Barat melibatkan aset dari pelbagai agensi penguatkuasa laut negara termasuk di musim tengkujuh.

Katanya, Ops Naga Barat terbukti berkesan apabila jumlah nelayan asing masuk ke negara ini semakin berkurangan berbanding sebelum ini dan pemantauan kini turut melibatkan aset udara bagi meninjau kawasan pelantar dan sempadan perairan.

"Ops Naga Barat tetap dilaksanakan walaupun musim tengkujuh dan seramai 30 pegawai dan anggota Maritim Terengganu bersedia bersama aset laut serta darat hadapi tengkujuh.

"Kita juga tempatkan anggo-



MUHAMMAD SUFFI



Perairan Terengganu yang kaya dengan hasil laut menyebabkan ia antara lubuk dan kawasan tumpuan nelayan asing.

ta kita di kawasan pulau seperti Pulau Redang dan Pulau Tenggol bagi memantau kehadiran nelayan dan bot asing.

"Ini kerana berdasarkan statistik sebelum ini, kemungkinan nelayan asing tetap ada walau cuaca tidak baik. Cuma dalam keadaan cuaca tidak menentu kita ada masalah untuk menahan mereka atas dasar keselamatan, jadi kita hanya usir mereka," katanya.

Menurut Muhammad Suffi,

kerajaan Vietnam mengakui masalah pencerobohan nelayan mereka ke perairan Malaysia dan negara itu dilihat ada mengambil tindakan berhubung perkara tersebut.

Antara tindakan itu katanya kawalan penguat kuasa mereka di sempadan perairan.

"Beberapa bulan lepas kita ada mengesan bot perikanan Vietnam di sempadan. Nampaknya Vietnam ambil tindakan juga atas isu pencerobohan nelayan mereka ke negara kita," katanya.

Sinar Siasat sebelum ini mendedahkan Malaysia kerugian hampir RM5 bilion setahun akibat pencerobohan nelayan asing.